

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon
musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA





FENOMENA ZAMSAHAM

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman¹, Khadijah Yahya,
Filouz Hashim & Musmailina Mustafa Kamal
Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor,
Segamat, Johor

Fenomena Zamsaham atau nama sebenarnya, Norizam Tukiman, mula menjadi tular setelah 'keberanian' beliau membeli pasukan The Red Warriors (TRW) pada September 2020, kelab tersohor Pantai Timur yang dibelenggu masalah hutang serta tunggakan gaji dan berdepan dengan kes FIFA, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Situasi pemilikan kelab Kelantan ini unik kerana bukan sahaja Zamsaham tiada latar belakang bolasepak malah beliau berasal dari Johor, negeri yang dianggap antara seteru utama Kelantan di dalam kancah bolasepak tanah air. Umum maklum bahawa sejarah pengurusan kelab ini ditunjangi oleh anak negeri Kelantan, seperti Tan Sri Anuar Musa serta Dato Sri Vida. Artikel ini mendalami fenomena Zamsaham dan melihat bagaimana beliau menguruskan empayar perniagaan beliau.

- Norizam Tukiman
- 39 tahun
- 17 April 1981
- Johor Bahru, Johor
- Diploma Analisa Pelaburan (DIIA) UiTM Segamat
- Isteri dan enam orang anak
- Pengasas Unclezam Frozen Food Network Sdn Bhd, Zamburger Sdn Bhd dan Zamsaham Hotel & Resort, Presiden Persatuan Pelabur Strategik Melayu Malaysia, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Iskandar Malaysia

Zamsaham mula menceburkan diri secara tidak langsung dalam bidang pelaburan saham sejak dari bangku sekolah lagi. Beliau mempunyai pengalaman 20 tahun sebagai seorang pakar pelaburan, konsultan dan remisier berlesen. Beliau merupakan ahli bersekutu Persatuan Juruteknik Pasaran bagi kelulusan Chartered Market Technician (CMT) yang berpangkalan di New York, Amerika Syarikat. Zamsaham mempunyai Lesen Perunding Unit Amanah Saham yang dikeluarkan oleh Persekutuan Pengurus - Pengurus Pelaburan Malaysia (FiMM) dan Lesen Wakil Niaga Pasaran Hadapan Bursa Malaysia (FKLI).

Pelaburan di dalam pasukan The Red Warriors (TRW)

Zamsaham telah membelanjakan RM6.8 juta untuk membeli 100% saham syarikat The Red Warriors (TRW). Dalam usaha mengembalikan semula kegemilangan bola sepak Kelantan, beliau mempunyai perancangan untuk mendaftarkan syarikat TRW Sdn Bhd di dalam Bursa Malaysia. Beliau yakin bahawa keuntungan bakal diperolehi dalam tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang apabila keyakinan peminat dapat dikembalikan. Antara faktor beliau memilih Kelantan adalah disebabkan aura penyokongnya yang dianggap mempunyai 'fan base' terbesar di Malaysia. Penyokong pasukan Kelantan akan sentiasa memenuhi stadium sekalipun beraksi di gelanggang lawan.

Pelaburan Zamsaham di dalam Industri Makanan 'Frozen Food'

Industri produk sejuk beku memiliki potensi untuk berkembang pesat sejajar dengan gaya hidup terkini yang sentiasa bergerak pantas. Zamsaham mempunyai kilang produk sejuk beku di bawah anak syarikat Unclezam Frozen Food Network Sdn Bhd (Unclezam Frozen). Kilang ini berstatus GMP, MESTI, HACCP dan mempunyai tidak kurang 100 produk halal seperti burger, aiskrim, pizza, nasi beriani, mee bandung, petitpai abalone, ikan patin masak tempoyak, puyuh pop, samosa johor, karipap, gendang kasturi dan roti canai. Unclezam Frozen kini memiliki 24 stokis di seluruh negara. Dalam mengembangkan perniagaan produk sejuk beku ini, Unclezam Frozen mencari ejen bumiputera dengan menawarkan pakej lengkap e-français dengan kos RM6,900, merangkumi bekalan produk, penyejuk beku, laman web, kad perniagaan, risalah dan bunting, selain keuntungan sehingga 20% daripada setiap produk yang dijual. Unclezam Frozen juga bakal disenaraikan di Bursa Malaysia. Ini tentunya sangat menarik kerana tidak ramai usahawan makanan halal bumiputera disenaraikan di bursa tempatan.

Pelaburan Zamsaham di dalam Rangkaian Hotel Syariah

Zamsaham turut terlibat di dalam industri perhotelan melalui anak syarikatnya, Zamsaham Hotel. Hotel yang terletak bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai ini berkonsepkan hotel butik dengan ciri pasaran saham global, menawarkan kira-kira 30 bilik, serta bilik seminar yang mampu memuatkan 150 orang. Di samping itu juga, Zamsaham Hotel turut komited mewujudkan rangkaian hotel syariah terbesar di negara ini melalui pengambilalihan dan pemilikan (Mergers and Acquisition (M&A)) 220 hotel butik berpotensi yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Zamsaham Hotel bersedia memberi peluang kepada mana - mana hotel yang ditutup, mempunyai masalah aliran tunai atau terpaksa memberhentikan pekerja, untuk diambil alih. Mereka akan diberi keuntungan bulanan dalam bentuk sewaan pajakan. Objektif utama Zamsaham Hotel meluaskan rangkaianannya adalah untuk mentransformasikan hotel terbabit kepada patuh syariah serta menampilkan imej hotel bersih dan berkualiti setanding hotel ternama.